



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERANAN GURU BIMBINGAN
DAN KAUNSELING DI SEKOLAH MENENGAH ATAS NEGERI
DI PONTIANAK, INDONESIA**

ABAS YUSUF

FPP 1991 4



PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERANAN
GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING
DI SEKOLAH MENENGAH ATAS NEGERI
DI PONTIANAK, INDONESIA

OLEH

ABAS YUSUF

Tesis Diserahkan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

OGOS, 1991



PENGHARGAAN

Tesis ini tidak dapat diselesaikan dengan baik tanpa penglibatan dari berbagai-bagai pihak. Oleh itu dengan rendah hati pengkaji pada kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan rasa syukur kepada pihak-pihak berkenaan tanpa bermaksud untuk melebih-lebihkannya.

Ucapan terima kasih ini secara khusus pengkaji sampaikan kepada:

- (1) Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim, Encik Mohd. Majid Konting dan Prof. Madya Dr. Shamsudin Hussin selaku ahli-ahli jawatankuasa penyelia yang masing-masing telah begitu banyak melibatkan diri secara langsung dalam proses bimbingan tesis bagi pengkaji. Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim atas segala usaha, perhatian, sokongan serta bimbingannya yang berkesan. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada Encik Mohd. Majid Konting atas kesabaran, bimbingan, tunjukajar dan kritiknya yang konstruktif. Demikian pula dengan Prof. Madya Dr. Shamsudin Hussin atas saranan-saranannya yang bernas.
- (2) Kerajaan Malaysia pada umumnya dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khususnya yang telah memberikan bantuan kewangan berupa biasiswa kepada pengkaji melalui Program Kerjasama Teknikal



Malaysia (PKTM). Bahkan pihak JPA telah memberikan peluang yang luas bagi membolehkan pengkaji menyelesaikan pengajian dengan memberikan biaya tambahan berupa sambungan biasiswa selama satu semester kepada pengkaji.

- (3) Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang telah memberikan kemudahan serta sokongan dari segi pentadbiran.
- (4) Semua pensyarah Unit Bimbingan dan Kaunseling Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang telah banyak memberikan tunjukajar kepada pengkaji selama menuntut di UPM.
- (5) Rektor Universitas Tanjungpura serta Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Tanjungpura Pontianak sebagai atasan pengkaji yang telah banyak memberikan kemudahan, sokongan serta dorongan kepada pengkaji.
- (6) Pihak Jabatan Pendidikan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia di Pontianak yang telah memberikan izin kepada pengkaji untuk mengutip data penyelidikan di sekolah-sekolah menengah atas negeri di Pontianak.
- (7) Pengetua, guru-guru dan para pelajar Sekolah Menengah Atas Negeri 3 Pontianak yang telah



memberikan kerja sama bagi membolehkan pengkaji memperoleh data penyelidikan yang diperlukan.

- (8) Prof. Madya Dr. Yahya M. Hassan, pengetua Kolej Cikgu Rashid serta Dr. Jambari H. Ali, Pensyarah di Jabatan Biologi Fakulti Sains dan Alam Sekitar UPM yang telah memberikan kemudahan serta bantuan dari segi tempat tinggal selama pengkaji menuntut di UPM.
- (9) Isteriku Sri Sulastri serta anak-anakku Adi Dinardinata dan Hilda Dinardinawati yang telah dengan tabah dan sabar serta penuh kesetiaan, persefahaman dan kasih sayang selama pengkaji mengikuti pengajian di UPM.

Akhirnya, rasa syukur alhamdulillah pengkaji panjatkan kehadiran Allah subhanahu wataala semoga nikmat kejayaan ini berkepanjangan dan berlipat ganda. Amin.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB	
I PENGENALAN	1
Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Atas di Indonesia: Suatu Pengenalan	2
Perkembangan Pentadbiran Pendidikan	3
Perkembangan Pengajian	10
Perkembangan Organisasi Profesion Bimbingan dan Kaunseling	15
Pernyataan Masalah	17
Tujuan Kajian	22
Hipotesis	23
Definisi Konsep	24
Persepsi	24
Guru Bimbingan dan Kaunseling	26
Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	30
Persepsi Pencapaian Akademik	32
Pelajar	33
Sekolah Menengah Atas Negeri	40

	Definisi Beroperasi	45
	Persepsi	45
	Guru Bimbingan dan Kaunseling	46
	Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	47
	Persepsi Pencapaian Akademik	48
	Pelajar	49
	Sekolah Menengah Atas Negeri	50
	Kepentingan Kajian	50
	Batasan Kajian	54
II	SOROTAN BAHAN BERTULIS	56
	Persepsi terhadap Bimbingan dan Kaunseling dan Kaunselor Sekolah	58
	Peranan Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	67
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	71
	Pengetahuan Pelajar tentang Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	71
	Penglibatan Pelajar dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	73
	Jantina Pelajar	75
	Tingkatan Kelas Pelajar	78
	Program Pengajian Pilihan Pelajar	80
	Taraf Sosioekonomi Penjaga Pelajar	81
III	METODOLOGI KAJIAN	88
	Rekabentuk Kajian	88
	Populasi dan Sampel	89



	Populasi	89
	Sampel	90
	Pembolehkan Penyelidikan	91
	Pembolehkan Sandar	91
	Pembolehkan Bebas	92
	Kajian Rintis	94
	Menyusun Pernyataan Soalan	94
	Mengumpulkan Data Kajian Rintis	95
	Menentukan Skala Soalan	95
	Menentukan Daya Pembeza Soalan	97
	Memeriksa Kesepaduan Soalan	99
	Alat Kajian	100
	Penganalisan Data	102
	Tatacara Kajian	106
IV	KEPUTUSAN KAJIAN	109
	Pengetahuan dan Penglibatan Pelajar terhadap Bimbingan dan Kaunseling	110
	Profil Pelajar Mengikut Jantina, Tingkatan Kelas, Program Pengajian, dan Taraf Sosioekonomi Penjaga	113
	Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	115
	Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik	117
	Pengujian Hipotesis	118
	Hipotesis Pertama	118
	Hipotesis Kedua	122



V	PERBINCANGAN	126
	Keberkesanan Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	126
	Guru Bimbingan dan Kaunseling Dinilai Berperanan di dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	129
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	130
VI	KESIMPULAN	135
	Implikasi	137
	Implikasi bagi Para Pentadbir Pendidikan	137
	Implikasi bagi Para Ahli Persatuan Kaunselor	139
	Implikasi bagi Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling	139
	Cadangan	142
	BIBLIOGRAFI	145
	LAMPIRAN	154
	A Penterjemahan Aspek-aspek Peranan ke dalam Soalan-soalan	155
	B Soal Selidik Kajian Rintis	158
	C Ringkasan Hasil Kajian Rintis	167
	D Ringkasan Dapatan Skala Soalan yang Dihitung pada Kajian Rintis	168
	E Ringkasan Hasil Analisis Daya Pembeza Tiap-tiap Soalan Kajian Rintis	169
	F Ringkasan Kesepaduan Soalan Kajian Rintis tentang Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	170



G	Ringkasan Kesepaduan Soalan Kajian Rintis tentang Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	171
H	Perubahan Nombor Soalan yang Terpilih dari Nombor Soal Selidik Kajian Rintis ke Nombor Soal Selidik Penyelidikan	172
I	Soal Selidik Penyelidikan	173
J	Kesesuaian Aspek-aspek Soalan pada Soal Selidik Penyelidikan	181
K	Ringkasan Kebolehpercayaan Soal Selidik Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	184
L	Ringkasan Kebolehpercayaan Soal Selidik Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	185
M	Peta Daerah Pontianak	186
VITA	187



SENARAI JADUAL

JADUAL	Halaman
1 Perincian Jumlah Sampel	91
2 Perhitungan Nilai Skala Pernyataan Soalan Nombor 5	96
3 Perhitungan Pengujian t Pernyataan Soalan Nombor 5	98
4 Perbandingan Jumlah Sampel dengan Jumlah Soal Selidik yang Terkumpul	108
5 Peratusan Jawapan Pelajar tentang Pengetahuan dan Penglibatan Mereka terhadap Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah (N = 412)	111
6 Peratusan Pelajar Mengikut Jantina, Tingkatan Kelas, Program Pengajian dan Taraf Sosioekonomi Penjaga (N = 412)	114
7 Nilai Min Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	116
8 Nilai Min Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar	117
9 Model Analisis Regresi Pelbagai Secara Keseluruhan (Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah)	119
10 Ringkasan Analisis Regresi Pelbagai (Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah)	120
11 Model Analisis Regresi Pelbagai Secara Keseluruhan (Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar)	123
12 Ringkasan Analisis Regresi Pelbagai (Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar)	124

13	Perubahan Nombor Soalan yang Terpilih dari Nombor Soal Selidik Kajian Rintis ke Nombor Soal Selidik Penyelidikan	172
14.	Kesesuaian Aspek-aspek Soalan pada Soal Selidik Penyelidikan	181



SENARAI RAJAH

RAJAH	Halaman
1 Model Persepsi Positif	42
2 Model Persepsi Negatif	42
3 Model Persepsi Neutral	42
4 Model Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	93
5 Model Persepsi Pelajar terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik	94



ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk Ijazah Master Sains Bimbingan dan Kaunseling.

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERANAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH MENENGAH ATAS NEGERI DI PONTIANAK, INDONESIA

Oleh

ABAS YUSUF

OGOS, 1991

Penyelia : Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mempelajari persepsi di kalangan para pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah atas negeri di Pontianak, Indonesia. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini menggunakan soal selidik berskala Likert yang mengandungi 42 soalan yang terdiri daripada 33 pernyataan tentang persepsi pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah dan 9 pernyataan tentang persepsi pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.



Subjek kajian adalah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Atas Negeri 3 Pontianak seramai 412 orang. Didapati bahawa para pelajar menunjukkan persepsi yang positif terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Para pelajar juga menunjukkan persepsi yang positif terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Hasil analisis data secara inferensi mendapati bahawa faktor-faktor pengetahuan pelajar tentang bimbingan dan kaunseling di sekolah, tingkatan kelas pelajar, pendidikan bapa pelajar, pendidikan ibu pelajar dan pendapatan ibu pelajar mempengaruhi persepsi pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Manakala faktor pengetahuan pelajar tentang bimbingan dan kaunseling dan faktor tingkatan kelas pelajar mempengaruhi persepsi pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

ABSTRACT

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in the fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science in Guidance and Counseling.

STUDENTS' PERCEPTION TOWARDS THE ROLES OF GUIDANCE AND COUNSELING TEACHERS IN SECONDARY HIGH SCHOOL IN PONTIANAK, INDONESIA

By

ABAS YUSUF

OGOS, 1991

Supervisor : Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim

Faculty : Educational Studies

This descriptive study was undertaken to investigate the extent of students' perception towards the roles of guidance and counseling teachers of secondary high school in Pontianak, Indonesia. The instrument of the present study was the questionnaire using the Likert scale. The questionnaire consisted 42 items and these comprised of 33 items pertaining to students' perception of the roles of the guidance and counseling teachers in the school, and 9 more on students' perception of the roles of the



same towards increasing students' level of academic achievement.

The respondents were comprised of 412 students from Sekolah Menengah Atas Negeri Nombor 3 in Pontianak. The results obtained showed that the students' perception towards the roles of the guidance and counseling teachers in the school were positive. The same results were obtained regarding the students' perception towards the roles of the guidance and counseling teachers in increasing the level of students' academic achievements.

The results of the inferential data analysis showed that the knowledge of the students' vis-a-vis guidance and counseling procedures, students' educational level, level of education of the male parents, educational level of the female parents and students' mothers' earnings were factors that influenced the students' perception towards the roles of the guidance and counseling teachers in the school. On the other hand, students' knowledge of guidance and counseling in the school and students' educational level were factors that influenced the students' perception towards the roles of guidance and counseling teachers in increasing the level of students' academic achievements.

BAB I

PENGENALAN

Bab ini merupakan pengenalan kepada topik kajian iaitu "Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Atas Negeri di Pontianak, Indonesia". Sebagai langkah pengenalan, huraian dimulakan dengan membincangkan latar belakang masalah bimbingan dan kaunseling yang dihubungkan dengan perkembangan sistem pendidikan yang terdapat di Indonesia. Berdasarkan isu-isu yang berhubungan dengan bimbingan dan kaunseling yang berkembang dalam masyarakat yang kemudian dikaitkan dengan masalah-masalah yang wujud pada sistem pendidikan yang berlaku maka dapatlah dinyatakan beberapa masalah, tujuan, serta hipotesis yang perlu diselidiki. Selanjutnya, bagi memahami konsep-konsep yang berhubungan dengan masalah, tujuan, serta hipotesis telah pula dijelaskan beberapa definisi, baik definisi secara konsep mahupun definisi secara beroperasi. Huraian-huraian yang sedemikian merupakan sebahagian daripada usaha untuk membincangkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Secara keseluruhan bab ini terdiri daripada tujuh bahagian. Bahagian yang pertama menghuraikan keadaan bimbingan dan kaunseling di Indonesia, diikuti dengan bahagian yang berikutnya iaitu

pernyataan masalah, tujuan penyelidikan, hipotesis, definisi konsep, definisi beroperasi, kepentingan kajian dan batasan kajian.

**Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling
di Sekolah Menengah Atas di Indonesia:
suatu Pengenalan**

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah memasuki sistem pendidikan di sekolah-sekolah menengah atas di Indonesia sejak tahun 1976, iaitu sejak mula dilaksanakan Kurikulum Sekolah Menengah Atas 1975. Bimbingan dan kaunseling dikenali sebagai salah satu unsur daripada keseluruhan unsur dalam sistem pendidikan di sekolah.

Di Indonesia, sekolah menengah atas adalah suatu institusi pendidikan yang bertujuan mendidik para pelajar agar:

- (1) Menjadi warga negara yang baik, lengkap, sihat, kuat lahir dan batin.
- (2) Menguasai hasil-hasil pendidikan umum yang merupakan lanjutan dari peringkat pendidikan sebelumnya.
- (3) Memiliki bekal bagi membolehkan para pelajar meneruskan ke pendidikan yang lebih tinggi dan bekerja di masyarakat.

(Indonesia, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1975, m.s. 4)

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilakukan dengan maksud untuk memaksimumkan perkembangan individu para pelajar agar tujuan pendidikan seperti tersebut di

atas dapat dicapai, sesuai dengan kebolehan, minat, dan nilai pelajar masing-masing. Sebagai suatu kegiatan bersistem, aktiviti bimbingan dan kaunseling tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti-aktiviti lainnya seperti pengajian dan pentadbiran di sekolah, kerana ketiga-tiga aktiviti tersebut adalah sama-sama bertujuan memaksimumkan pertumbuhan dan perkembangan individu pelajar agar tujuan pendidikan sekolah menengah atas dapat dicapai dengan lebih berkesan dan cekap. Oleh itu untuk mempelajari bagaimana keadaan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah atas di Indonesia, perlulah dibincangkan secara lebih mendalam hal-hal yang berhubungan dengan perkembangan dari segi pentadbiran serta perkembangan dari segi pengajiannya.

Bimbingan dan kaunseling adalah juga suatu kegiatan yang bersifat profesional. Dengan demikian adalah tidak kena membincangkan keadaan bimbingan dan kaunseling tanpa juga membincangkan perkembangan dari segi organisasi profesion bimbingan dan kaunseling.

Perkembangan Pentadbiran Pendidikan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah atas di Indonesia telah dikuatkuasakan melalui Kurikulum Sekolah Menengah Atas 1975. Kemudian disempurnakan lagi dengan Kurikulum Sekolah Menengah Atas 1984. Undang-undang pendidikan yang baru iaitu Undang-undang Republik Indonesia Nombor 2 Tahun 1989 juga

menyatakan bahawa bimbingan merupakan sebahagian daripada usaha-usaha pendidikan secara keseluruhan bagi mempersiapkan para pelajar untuk peranannya di masa yang akan datang. Ini bererti bahawa bimbingan dan kaunseling tidak cukup hanya berlaku di atas kertas tetapi yang lebih penting adalah bagaimana pelaksanaannya. Keadaan ini memerlukan penglibatan semua pihak, terutama pengetua sekolah sebagai pendorong utama bagi pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dipimpinya.

Pelaksanaan tugas kepemimpinan di sekolah menengah atas memerlukan seorang pengetua sekolah yang cekap, berkemahiran, serta mampu bertindak untuk kepentingan masalah-masalah yang lebih asas. Beeby (1981) melaporkan bahawa daripada semua jenis sekolah menengah di Indonesia, 59 peratus pengetua sekolah di provinsi-provinsi yang termasuk maju dan 71 peratus provinsi yang masih mundur tidak mempunyai ijazah sarjana muda. Di Indonesia, ijazah sarjana muda merupakan syarat minimum yang harus dipenuhi oleh seorang pengetua sekolah (Beeby, 1981). Jika syarat tersebut tidak dipenuhi maka kemungkinan besar akan mengurangi keupayaan pengetua sekolah untuk meminta para guru yang mengajar di sekolah yang dipimpinya itu untuk menerima dan melaksanakan pendekatan baru terhadap mata pelajaran yang diajarkannya. Alasan ini mungkin benar, akan tetapi yang jelas adalah kelayakan kesarjanaannya itu mencerminkan

kualiti yang lebih baik di dalam membuat serta melaksanakan keputusan-keputusan penting di sekolah, termasuk juga keputusan-keputusan yang berkenaan dengan bimbingan dan kaunseling.

Dari pengalaman beberapa orang pemerhati dan juga guru bimbingan dan kaunseling sendiri menunjukkan yang pengetua sekolah keliru menempatkan fungsi bimbingan dan kaunseling di sekolah. Guru bimbingan dan kaunseling di samping sebagai kaunselor juga diberi tugas-tugas sebagai wakil pengetua, petugas urusan ketertiban dan disiplin sekolah, memeriksa kehadiran pelajar-pelajar dan tugas lain yang bersifat pengawasan terhadap para pelajar (Soesilo, 1985; Asih Siti Djarwani, 1985). Bahkan ada yang diberi tugas menapis surat-surat para pelajar atau menjadi "penyensor" (Sutedja, 1985). Akibatnya para pelajar menjadi segan terhadap guru bimbingan dan kaunseling, apatah lagi untuk mengadu atau membincangkan masalahnya.

Menurunnya imej guru bimbingan dan kaunseling di mata para pelajar pada asasnya berpunca dari sistem pentadbiran yang tidak kondusif. Penentuan jawatan guru bimbingan dan kaunseling dilakukan dengan lantikan secara langsung oleh pengetua sekolah. Oleh hal yang demikian, guru bimbingan dan kaunseling harus tunduk dan patuh kepada arahan pengetua. Di pihak yang lain, nazir dari kementerian pendidikan yang bertugas mengawasi pelaksanaan pendidikan dan pengajian di sekolah-sekolah

kurang memahami kedudukan tugas guru bimbingan dan kaunseling. Beeby (1981) melaporkan bahawa pada peringkat sekolah menengah hanya 50 peratus nazir yang memenuhi syarat seperti yang dikehendaki oleh kementerian pendidikan. Ini bermakna para nazir belum lagi berkebolehan melaksanakan tugasnya dengan baik.

Bimbingan dan kaunseling di Indonesia diambil secara langsung dari dunia Barat, iaitu Amerika Syarikat. Memandangkan aspek bimbingan dan kaunseling adalah berkait rapat dengan bidang pendidikan dibandingkan dengan bidang-bidang lain, maka bimbingan dan kaunseling pada kenyataannya lebih dapat diterima dalam lingkungan persekolahan. Dengan kata lain, bimbingan dan kaunseling lebih dikenali di sekolah-sekolah berbanding dengan institusi-institusi di luar persekolahan.

Dengan berdasarkan hasil perundingan fakulti pengajian pendidikan di seluruh Indonesia pada 20 hingga 24 haribulan Ogos 1960 maka bimbingan dan kaunseling untuk pertama kalinya dimasukkan ke dalam kurikulum fakulti pengajian pendidikan. Memperhatikan perkembangan tersebut maka mulai tahun 1963 terdapat arahan dari kementerian pendidikan bahagian sekolah-sekolah menengah atas supaya sekolah menengah atas tertentu melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Tindakan ini telah menimbulkan kebimbangan dan kebingungan di kalangan para pendidik atau guru. Akibatnya, timbul berbagai-bagai

persepsi serta penafsiran terhadap guru bimbingan dan kaunseling. Ada yang menyamakannya dengan pengawas dan ada pula melihatnya sebagai guru disiplin, wakil pengetua, petugas perpustakaan dan seterusnya. Bahkan ada yang menganggap guru bimbingan dan kaunseling sebagai guru yang tidak mempunyai pekerjaan atau penganggur (Soesilo, 1985; Sutedja, 1985; Asih Siti Djarwani, 1985).

Kelemahan yang berlaku pada sistem pentadbiran pendidikan yang dijalankan adalah tidak berhasilnya sistem tersebut menciptakan suasana bagi guru-guru dan para pendidik menyesuaikan dan memanipulasikan unsur-unsur yang terkandung dalam budaya masyarakat. Di kalangan masyarakat terdapat persepsi bimbingan yang berlainan sama sekali dengan hakikat bimbingan dan kaunseling yang sebenarnya. Sebagai contoh, di dalam masyarakat terdapat beberapa jenis bimbingan seperti bimbingan ujian, kelompok bimbingan, kaunseling kesihatan, kaunseling pertanian, kaunseling perancangan keluarga dan sebagainya. Pendekatan yang digunakan dalam istilah-istilah tersebut sama sekali berbeza dengan pendekatan bimbingan dan kaunseling yang sebenarnya. Soesilo (1985) mencabar para pendidik dan para pentadbir agar mencari bentuk bimbingan dan kaunseling yang khas di Indonesia.

Dengan kemasukan unsur baru yang bersumber dari budaya lain ke dalam sistem suatu masyarakat akan selalu



diuji dan dipertikaikan kehandalannya. Demikian pulalah keadaannya yang berlaku bagi bimbingan dan kaunseling. Persoalannya adalah,

- (1) Ilmu bimbingan bukan ilmu yang pasti, lagipula sasarannya bukan benda mati, melainkan adalah manusia.
- (2) Hasil kegiatan membimbing tidak selalu dapat diamati dengan terang dan jelas seperti yang berlaku pada ilmu kimia, kedokteran, dan sebagainya.
- (3) Selalunya hasil kegiatan membimbing hanya dapat dirasakan atau dihayati oleh orang yang dibimbing itu sendiri, sedangkan dari luar hasil itu tidak kelihatan.

(Aryatmi, 1985, m.s. 69-70).

Byrne (1963) menyatakan bahawa tujuan kaunseling itu ada berperingkat-peringkat. Mulai dari tujuan yang sederhana yang dicapai melalui perbincangan ke perbincangan sampai kepada tujuan yang lebih bersifat filosofikal yang pencapaiannya mungkin memerlukan masa yang lebih lama. Tujuan-tujuan tersebut tidak mudah untuk diwujudkan tanpa penglibatan yang bersungguh-sungguh antara kaunselor di satu pihak dan klien di pihak yang lain, yang tentunya orang lain tidak dapat mengetahuinya kerana sifatnya sangat peribadi atau rahsia.

Bimbingan dan kaunseling yang diambil secara langsung dari Amerika Syarikat bertolak dari asas kebebasan tanpa mengenal batas (Blocher, 1966; Belkin, 1975; Arbuckle, 1975). Pandangan falsafah barat yang merangkumi unsur-